

Kitab Kumpulan Ringkas Berbetulan Lekas: Karya Ketatanegaraan Melayu yang Terakhir

JELANI HARUN

ABSTRAK

Genre ketatanegaraan, atau Mirrors for Rulers adalah ciri yang penting dalam kesusasteraan Melayu tradisional. Sehingga kini ia masih belum diterokai sepenuhnya oleh sarjana. Banyak karya Melayu masa silam telah memperlihatkan minat pengarang yang berkenaan terhadap karya ketatanegaraan dan juga hubungan antara tradisi Melayu dengan tradisi lain, khususnya yang berasaskan pemikiran dan prinsip-prinsip Islam. Matlamat utama kepengarangan itu ialah untuk menunjukkan bagaimana raja dan pembesar negara harus bertingkah laku dalam hubungan mereka dengan rakyat, khususnya tentang amalan keadilan. Salah satu contoh karya ketatanegaraan yang baik ialah Kitab Kumpulan Ringkas Berbetulan Lekas oleh Raja Haji Ali Kelana.

Kata kunci: Karya ketatanegaraan, Raja Haji Ali Kelana, Kesusasteraan Melayu

ABSTRACT

The genre of Mirrors for Rulers is a salient feature in traditional Malay literature. Until recently, it has not been studied fully. Many Malay literary works not only depict the authors' interest in Mirrors for Rulers, but also reveal forms of interaction between the Malay traditional value and value of other culture, in particular those on Islamic thoughts and principles. The main aim of such an undertaking is to show how Malay rulers and ministers should behave in dealing with their subjects especially in terms of the deed of justice. One example may be seen in the Kitab Kumpulan Ringkas Berbetulan Lekas, written by Raja Haji Ali Kelana.

Key words: Mirror for Rulers, Raja Haji Ali Kelana, Malay literature

PENGENALAN

Kesultanan Melayu masa silam telah mewariskan kepada kita sistem pemerintahan feudal dengan cirinya yang tersendiri. Dalam sistem itu, raja adalah ketua, maka

mempunyai kuasa mutlak ke atas semua rakyat di bawah baginda. Ini juga berasaskan hakikat kuasa raja tidak ada batasan, kerana meliputi segala aspek hidup rakyatnya. Selain itu, di bawah pengaruh ajaran Hindu, raja yang dianggap suci itu memiliki sifat dewa, maka perlu disembah segenap lapisan rakyatnya. Kesucian raja itu diperkukuhkan dengan pelbagai mitos mengenai keajaiban keturunan serta kedaulatan mereka, sebatik dalam kepercayaan agama Hindu. Sistem tanggapan dan kepercayaan yang wujud dalam sejarah kesultanan feodal Melayu dahulu itu berterusan dari satu generasi ke satu generasi yang lain. Daripada perkembangan itulah lahir sistem daulat kuasa raja yang sakral di satu pihak dengan sifat kehambaan rakyat jelata di satu pihak yang lain.

Kedatangan Islam ke Alam Melayu telah mengangkat *status quo* raja Melayu ke tempat yang lebih tinggi, maka lebih dimuliakan, kerana Islam menentukan raja adalah pemimpin yang wajib dipatuhi rakyatnya. Ketaatan rakyat kepada raja berhubungkait juga dengan ketaatan umat kepada agama Islam. Di bawah payung ajaran Islam, kesucian dan martabat raja tidak lagi diangung-angungkan melalui mitos dewa-dewa, tetapi tertanam kukuh menjadi sebahagian daripada asas keimanan manusia terhadap Tuhan. Raja dianggap sebagai 'bayangan Tuhan di dunia'. Ungkapan raja sebagai "bayangan Tuhan di dunia" terdapat di dalam *Nasihah al-Muluk* (Bagley 1964: 45) seperti berikut: "You should understand that God on High selected two classes of the Sons of Adam and endowed these two classes with superiority over the rest: the one being prophets, blessings and peace be upon them, and the other kings. To guide His slave to Him, He sent prophets; and to preserve them from one another, He sent kings, to whom He bound the welfare of men's lives in His wisdom and on whom He conferred high rank. As you will hear in the Traditions, 'the sultan is God's shadow on earth', which means that he is high-ranking and the Lord's delegate over His creatures." Ungkapan raja sebagai "bayangan Tuhan di dunia" kemudian telah digunakan oleh beberapa orang pengarang Melayu untuk menggambarkan kedudukan raja-raja Melayu melalui kata-kata bahasa Arab *zillullahu fil-'alam*. Contoh yang jelas terdapat di dalam *Sejarah Melayu* (A. Samad Ahmad 1983: 2). Walau bagaimanapun, Islam sebagai cara hidup telah meletakkan syarat ke atas keistimewaan kuasa raja-raja. Walaupun raja dianggap sebagai bayangan Tuhan di dunia, tetapi dengan andaian mereka mesti melaksanakan keadilan dalam pemerintahannya. Konsep keadilan bukan hanya terhadap kepada soal memberi hukuman, tetapi juga segala urusan lain yang berhubungan dengan rakyat dan pemerintahan negara.

Dalam Islam, panduan kepada raja-raja supaya adil dalam pemerintahan tidak sahaja dinyatakan dalam ajaran agama, tetapi juga diolah secara lebih kreatif dalam karya kesusasteraan. Antara karya kesusasteraan yang dimaksudkan itu ialah yang dikenali umum sebagai genre ketatanegaraan. Genre sastera itu terdiri daripada sekumpulan karya yang dihasilkan oleh penulis istana dengan tujuan memberi panduan tentang tatacara pemerintahan kepada raja-raja dan pembesar negara. Panduan tersebut meliputi segala aspek pemerintahan, pentadbiran dan

pengurusan negara, selain persoalan tentang kedudukan raja dan pembesar, pembinaan negara, kerakyatan, keadilan, keagamaan, ketenteraan, pembangunan sosio-ekonomi, adat-istiadat istana, peraturan dagang dan hubungan luar negara. Antara sifat mulia yang diutamakan ialah pemurah, berani, sabar, rajin, alim, adil dan saksama.

Seperti yang telah dibayangkan tadi, pengarang karya ketatanegaraan biasanya terdiri daripada penasihat kepada sultan atau pembesar yang mempunyai kedudukan yang tinggi dan berkuasa besar di istana. Sebahagian mereka adalah ulama, selain sasterawan-sejarawan istana yang kaya dengan ilmu, selain berpengalaman luas tentang selok belok sejarah, adat-istiadat, nilai moral dan tatacara pentadbiran negara. Dengan kata lain, isi kandungan karya ketatanegaraan yang meliputi segala aspek yang berkaitan dengan tugas dan tanggungjawab pemerintah dan pembesar dalam mentadbir negara itu adalah hasil nukilan cendekiawan istana zaman silam. Daripada segi itu, ternyata bahawa karya ketatanegaraan mempunyai asas falsafah dan prinsip yang tersendiri, tegasnya berteraskan idealisme keadilan dalam Islam. Segala peraturan yang dikemukakan dalam karya itu menjurus kepada memberi panduan kepada raja-raja dan pembesar negara supaya dapat melaksanakan pemerintahannya berteraskan prinsip keadilan. Hampir seluruh karya "Mirrors for Rulers" Parsi seperti *Qabusnama*, *Siyar al-Muluk* dan *Nasihah al-Muluk* memberi penekanan tentang persoalan keadilan raja-raja. Perbincangan menarik tentang prinsip keadilan dalam karya ketatanegaraan Parsi dapat dibaca dalam tulisan Lambton berjudul "Justice in the Medieval Persian Theory of Kingship" (1962). Dalam konteks ini, tema keadilan tidak hanya menceritakan perkara yang baik. Keadilan raja dan pembesar negara juga ditonjolkan dalam bentuk yang bertentangan, iaitu sifat kezaliman. Ini bermakna bahawa selain menampilkan kisah keadilan raja, karya ketatanegaraan juga kaya dengan kisah kezaliman raja, tentang balasan dosa dan neraka. Namun demikian, matlamat pengarang tetap sama dan satu: memaparkan keadilan manusia. Raja yang zalim secara langsung telah melanggar prinsip keadilan yang telah ditentukan dalam ajaran agama. Balasan yang setimpal akan menanti mereka sama ada balasan di dunia atau di akhirat. Ini menegaskan bahawa falsafah dan prinsip keadilan dalam karya ketatanegaraan itu didapati lebih bersifat pemikiran dan kejiwaan, penggabungan kekuatan akal dan keimanan.

Secara umum, penulisan keseluruhan karya ketatanegaraan boleh dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian yang pertama mengandungi pelbagai peraturan kepada raja-raja dengan diikuti pelbagai cerita yang berunsurkan nasihat kepada mereka dalam bahagian yang kedua. Kedua-dua bahagian itu kait-mengait, maka berdiri sebagai suatu kesatuan yang utuh. Lazimnya pengarang karya itu memulakan penulisan dengan mengemukakan seberapa banyak peraturan yang perlu dipatuhi oleh raja-raja dan pembesar negara. Dalam banyak keadaan, peraturan tersebut akan diikuti petikan ayat Quran, hadis, kata-kata ulama atau ungkapan orang bijak pandai untuk menyokong hujah dan huraian yang dikemukakan. Seterusnya penulisan itu

dihalusi dengan petikan cerita-cerita nasihat yang bersumberkan tokoh-tokoh sejarah, nabi, khalifah, raja-raja, pahlawan, orang alim dan sebagainya yang subur dalam khazanah kesusasteraan adab Islam. Tokoh-tokoh itu adalah hero, wira atau insan contoh yang ideal dalam menegakkan sifat-sifat adil dalam kehidupan bermasyarakat, bernegara dan beragama. Cerita yang dipetik itu telah digubal semula dalam bentuk anekdot, maka kelihatan ringkas dan padat, lebih-lebih lagi mudah difahami.

SEJARAH GENRE *MIRRORS FOR RULERS*

Sejarah karya ketatanegaraan Melayu yang dapat dikesan telah bermula daripada *Mirrors for Rulers*, suatu genre yang khusus dalam tradisi kesusasteraan Arab-Parsi. Antara contohnya ialah *Kitab al-Sultan* oleh Ibn Qutaybah (meninggal dunia. 889), *Kitab al-Baghdad* oleh Ibn Taifur (m.d. 893), *Siyar al-Muluk* oleh Nizam al-Mulk (1018-1092) dan *Nasihah al-Muluk* oleh Imam al-Ghazali (1058-1111). Genre itu telah tersebar ke negara-negara lain sepanjang era pemerintahan Mughul di India. Contoh yang lain ialah *Mau'izah-i Jahangiri*, tulisan Muhammad Baqir Najm-i Sani (m.d. 1637) yang dikarang khusus untuk Sultan Jahangir (1605-1627). Selain India, contoh karya *Mirrors for Princess* itu juga terdapat dalam kesusasteraan Turki: *Kutadgu Bilig*, tulisan Yusuf Khass Hajib.

Penyebaran karya *Mirrors for Rulers* dalam kesusasteraan Melayu ditandai dengan munculnya karya-karya ketatanegaraan yang telah digolongkan oleh Braginsky (1993: 55) sebagai karya cermin atau hidayat. Sementara itu, Waldman (1980: 36) pula mencatatkan karya itu sebagai '*book written for the practical and ethical guidance of rulers, usually by their servants*'. Selanjutnya Brakel (1970: 8) pula mendefinisikannya sebagai '*Court literature providing anecdotal instruction*', dan seterusnya Marrison (1955: 61) menamakannya sebagai '*Books of instruction for Princess*'.

Nasihah al-Muluk misalnya, adalah contoh karya ketatanegaraan. Ia adalah karangan Imam al-Ghazali dan diketahui telah wujud sehingga kini. Teks itu asalnya ditulis dalam bahasa Parsi oleh al-Ghazali antara tahun 1105-1111. Ia kemudiannya telah diterjemahkan ke dalam bahasa Arab dengan judul *al-Tibr al-Masbuk fi Nasihat al-Muluk* oleh Ali ibn Mubarak ibn Mawhub. Pada tahun 1964, teks *Nasihah al-Muluk* telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris oleh Bagley (1964) dengan cara membandingkan kedua-dua versi Parsi dan Arab. Melalui *Nasihah al-Muluk*, al-Ghazali memperlihatkan pandangan beliau tentang tatacara pemerintahan negara, khususnya berkaitan dengan sifat pemerintah dan pembesar negara. Karya tersebut secara tidak langsung mengemukakan banyak ide penting daripada al-Ghazali tentang sistem politik dan sosial masyarakat Islam.

Sehingga kini, tarikh sebenar penyebaran *Nasihah al-Muluk* ke Tanah Melayu belum dapat dipastikan. Namun, besar kemungkinannya versi Arab teks

itu telah tiba di Aceh sekitar akhir abad ke-16 atau awal abad ke-17 melalui pedagang-pedagang dari Gujerat atau Arab yang berdagang atau yang berdakwah ke rantau ini. Ini terbukti melalui manuskrip terjemahan Melayu *Kitab Nasihat al-Muluk* yang telah ditemui dan bertarikh pada sekitar tahun 1700. Kini, manuskrip tersebut tersimpan di Perpustakaan University of Edinburgh (Dc.6.73-74). Sehingga kini penulis masih belum berpeluang melihat manuskrip asal *Nasihat al-Muluk* (MS Dc.6.73-74, University of Edinburgh). Kajian penulis dalam tulisan ini hanya berdasarkan salinan fotokopi kitab tersebut yang diperolehi dari Perpustakaan SOAS, University of London (M 4634). Manuskrip *Nasihat al-Muluk* koleksi University of Edinburgh tersebut terdiri daripada dua bahagian: Bahagian I mengandungi teks Arab (halaman 4-108) dan diikuti dengan teks Melayu *Nasihat al-Muluk* (halaman 109-262). Bahagian II terdiri daripada teks bahasa Belanda. Manuskrip ditulis pada Kertas Eropah, berukuran 20.3 sm × 15.7 sm dengan 23 baris pada setiap halaman. Manuskrip ditulis dengan menggunakan dakwat hitam dengan dakwat berwarna merah pada sesetengah tempat (lihat Ricklefs & Voorhoeve 1977: 120). Transkripsi rumi kitab *Nasihat al-Muluk* (berdasarkan MS Dc.73-74, University of Edinburgh) telah pun penulis usahakan dan kini sedang dalam proses penilaian Dewan Bahasa dan Pustaka (2000). Penulis atau penyalin manuskrip itu adalah seorang tentera yang bernama James Walker sebagaimana yang tercatat pada sebuah nota tulisan tangan di halaman awal manuskrip. Nota itu berbunyi sedemikian:

This valuable and rich manuscript so finely & exactly writ in the Arabick character by James Walker Schotsman a sergeant in the Ducth Forces in y Indies & then translated by him into Moulaka language whose character is no less difficult & painful to imitate & last of all into low-Ducth: presented to the Library by Mr. William Carstairs Primare of Edinburgh Colledge 16 August 1706 & year after bound in Turkey in two volumes upon his charges.

Berdasarkan tahun manuskrip tersebut ditulis, yakni sekitar 1700, besar kemungkinan manuskrip tersebut telah ditulis di Aceh. Walau bagaimanapun, suatu kajian yang lebih terperinci tentang manuskrip asal dan James Walker perlu dilakukan untuk mendapatkan suatu keputusan yang lebih tepat. Secara ringkas, struktur *Nasihat al-Muluk* (Manuskrip Dc.6.73-74) terbahagi kepada bahagian pengenalan dengan diikuti tujuh bab yang masing-masing membicarakan tema yang tertentu dengan tumpuan khusus kepada raja dan pembesar negara. Terjemahan bab-bab utama *Nasihat al-Muluk*, daripada versi Arab ke dalam bahasa Melayu, itu adalah seperti yang berikut:

Tajuk	Halaman
Pengenalan	109 - 110
Sepuluh Pohon dan Sepuluh Cabang	110 - 117
Ini peri menyebut segala Cawang Iman	117 - 136

Ini pada menyatakan Dua mata Air	
– Mata Air yang pertama	136 - 144
– Mata Air yang kedua	144 - 152
Bab yang pertama:	
Pada menyatakan adil dan siasat dan menyebutkan segala raja-raja dan jalan mereka itu	152 - 204
Bab yang kedua:	
Pada menyatakan segala siasat segala menteri dan kelakuan segala menteri	204 - 211
Bab yang ketiga:	
Pada menyatakan peri menyurat dan adab mereka itu	211 - 214
Bab yang keempat:	
Pada menyatakan tinggi cita segala raja	214 - 228
Bab yang kelima:	
Pada menyatakan hikmat segala hukama	228 - 239
Bab yang keenam:	
Pada menyatakan kemuliaan akal dan segala yang berakal	229 - 254
Fasal pada menyebut segala perempuan dan kelakuan mereka itu dan adat mereka itu	254 - 262

Antara karya ketatanegaraan yang terawal dalam kesusasteraan Melayu ialah *Taj al-Salatin* (Mahkota Raja-Raja), karangan Bukhari al-Jauhari pada tahun 1603. Karya tersebut yang terdiri daripada dua puluh empat bahagian (fasal) itu dikarang di Aceh dan dipercayai ditujukan khusus kepada Sultan Alauddin Riayat Syah, sultan Aceh antara tahun 1586-1604. Secara umum, struktur dan isi *Taj al-Salatin* jelas memperlihatkan pengaruh genre *Mirrors for Rulers* dari tradisi Parsi. Karya tersebut juga mencatatkan sekurang-kurangnya lima puluh buah sumber rujukan yang sebahagian besarnya adalah buku kesusasteraan Parsi.

Pengaruh *Taj al-Salatin* jelas kelihatan dalam *Kitab Adab Raja-Raja* yang ingin diperkatakan selanjutnya dalam rencana ini. Karya ini yang masih dalam bentuk manuskrip disimpan di Perpustakaan Negara Malaysia (MS 432). Keseluruhan manuskrip *Adab Raja-raja* (MSS 432) telah ditranskripsi ke tulisan rumi oleh Jamaliah Ab. Aziz untuk Latihan Ilmiah beliau, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1990/1991 (Asma Ahmat 1994: 119-128). Isinya terdiri daripada 18 fasal yang membicarakan

tanggungjawab raja dan pembesar negara. Sekurang-kurangnya ada lapan fasal, iaitu daripada fasal kesebelas hingga fasal kelapanbelas, dalam kitab itu merupakan salinan daripada fasal kesepuluh hingga fasal keduapuluh tiga daripada *Taj al-Salatin* (Asma Ahmat 1994: 124). Selepas *Taj al-Salatin*, penghasilan karya ketatanegaraan di istana Aceh disuburkan lagi dengan kelahiran *Bustan al-Salatin* daripada kalam Nuruddin al-Raniri pada 1638. Karya itu ditujukan khusus kepada Sultan Iskandar Thani, sultan Aceh antara 1636-1641. Karya tersebut terdiri daripada tujuh bab tentang kejadian alam, sejarah raja-raja purba dan pelbagai panduan tentang tugas-tugas kadi, wazir, utusan dan penyurat. Sebagaimana *Taj al-Salatin*, *Bustan al-Salatin* juga jelas memperlihatkan pengaruh tradisi kesusasteraan Parsi sama ada daripada segi isi atau penggunaan sumber rujukan.

Setelah kuasa kesultanan Aceh merosot pada akhir abad ke-17, kita nampak kebangkitan Riau menjadi pusat baru perkembangan bahasa dan budaya Melayu, antara tahun 1779-1911. Dari istana Riau telah lahir banyak karya ketatanegaraan yang penting. Antaranya ialah *Muqaddimah fi Intizam Waza'if al-Malik* (1857) dan *Thamarat al-Muhimmah* (1857) karangan Raja Ali Haji (1809-1870). Antara kedua-dua buah karya tersebut, *Thamarat al-Muhimmah* bukan sahaja telah dianggap lebih penting, malahan melambangkan kewibawaan Raja Ali Haji sebagai pengarang karya ketatanegaraan. Keterangan lanjut tentang teks *Thamarat al-Muhammah* boleh dibaca dalam buku Hasan Junus (1996). Karya tersebut terdiri daripada bahagian mukadimah, dengan diikuti tiga bahagian isi utama, dan diakhiri bahagian khatimah (penutup). Isi utama karya itu ialah huraian Raja Ali Haji tentang tugas dan tanggungjawab pemerintah, wazir, menteri dan sifat-sifat buruk manusia.

Selain karya yang dinyatakan di atas, terdapat banyak lagi karya ketatanegaraan dalam bahasa Melayu yang masih belum dibuat kajian dengan mendalam. Antaranya ialah *Kitab Safinatul Hukkam*, tulisan Syeikh Jalalluddin untuk ditujukan kepada raja Aceh yang bernama Sultan Alaidin Johan Syah (1735 - 1760); *Kitab Undang-undang Raja Nati*, bertarikh 1876, tulisan Syarif Sukma Wira ibn Syarif Jaafar Baqabah untuk ditujukan kepada raja kerajaan Kutai, Sumatera; *Kitab Nasihat Raja-raja* yang dipercayai tulisan Syeikh Duyong untuk Sultan Zainal Abidin III, pemerintah Terengganu antara 1881-1918 dan *Kitab Kumpulan Ringkas Berbetulan Lekas* tulisan Raja Haji Ali pada 1910 di Riau. *Kitab Kumpulan Lekas Berbetulan Lekas* adalah karya ketatanegaraan Melayu yang terakhir yang diketahui penulis sehingga kini. Senarai karya itu jelas menunjukkan banyaknya karya ketatanegaraan yang telah dihasilkan sepanjang zaman kegemilangan kesultanan Melayu.

KITAB KUMPULAN RINGKAS BERBETULAN LEKAS

Kitab Kumpulan Ringkas Berbetulan Lekas (selanjutnya disingkatkan sebagai *KKRBL*) yang bertarikh 1910 itu adalah buah kalam Raja Haji Ali ibn Raja

Muhammad Yusuf al-Ahmadi, anak kepada Sultan Muhammad Yusuf yang menjadi Yang Dipertuan Muda Riau ke-10, antara tahun 1858-1899. Raja Haji Ali juga dikenali dengan banyak nama yang lain, termasuk Raja Haji Ali Kelana, Raja Ali Bukit dan Raja Ali Riau. Gelaran Kelana yang diperolehinya bermaksud beliau adalah pengganti raja. Namun, selepas Sultan Muhammad Yusuf mangkat pada 1899, Raja Haji Ali tidak dilantik menjadi sultan Riau. Sebaliknya, jawatan tersebut disandang oleh saudaranya, Sultan Abdul Rahman, yang kemudian memerintah Riau daripada 1899 sehingga 1911. Beliau dilucutkan jawatannya oleh pihak Belanda pada tahun 1911 pada akhirnya.

Sumbangan Raja Haji Ali Kelana dalam bidang kesusasteraan dapat ditemui juga dalam tulisan beliau yang lain. Antaranya ialah *Pohon Perhimpunan* (1898), *Ini Rencana Mudah Pada Mengenal Diri Yang Indah* (1926) dan *Bughyat al-Ani Fi Hurufal-Ma'ani* (1922). Selain aktif dalam Kelab Rusydiah di Riau bersama-sama Raja Khalid Hitam (m.d. 1914), pengarang *Syair Perjalanan Sultan Lingga* (1894), beliau jugalah salah seorang pengasas *Majalah al-Imam*, bersama-sama Syeikh Tahir Jalaluddin. Raja Haji Ali meninggal dunia di Johor pada 1927. Keterangan lanjut tentang karya Raja Haji Ali Kelana boleh didapati dalam Abu Hassan Sham (1983), Andaya (1977) dan Barnard (1994).

KKRBL adalah sebuah karya yang istimewa. Ia mengandungi salasilah raja-raja Riau dengan dihiasi pelbagai nasihat serta panduan pemerintahan kepada raja-raja. Dengan kata lain, walaupun karya tersebut banyak memaparkan salasilah raja-raja Riau, tetapi corak penulisannya lebih menepati ciri penulisan karya ketatanegaraan, kerana pengarangnya cenderung memasukkan unsur-unsur panduan pemerintahan dan cerita nasihat kepada raja-raja. Selepas *Tuhfat al-Nafis*, penulisan tentang sejarah salasilah raja-raja Riau boleh ditemui dalam beberapa buah tulisan lain. Matheson (1986) misalnya telah membicarakan sebuah tulisan sejarah Riau berjudul *Keringkasan Sejarah Melayu* tulisan Tengku Mohd. Saleh, bertarikh 1930. Walau bagaimanapun, karya tersebut lebih bersifat penulisan sejarah dan bukan penulisan karya ketatanegaraan seumpama *Kitab Kumpulan Ringkas Berbetulan Lekas*. Kajian dalam tulisan ini berdasarkan cetakan pertama *KKRBL* yang diterbitkan Matbaat al-Imam di Singapura pada tahun 1910. Edisi ini tersimpan di Perpustakaan School of Oriental and African Studies, University of London. *Kitab Kumpulan Ringkas Berbetulan Lekas* telah dicetak kali kedua pada tahun 1999 oleh Penerbitan Khazanah al-Fataniyah.

Di halaman awal buku tersebut terdapat catatan seperti yang berikut:

Inilah kitab yang bernama
Kumpulan Ringkas – Berbetulan Lekas
Pada orang yang pantas – Dengan fikiran yang lantas

Walaupun tidak dinyatakan tujuannya mengarang *KKRBL*, tetapi pada halaman awal kitab berkenaan Raja Haji Ali mencatatkan bahawa kitab tersebut ditulis atas permintaan Khalid Raja Hitam, iaitu “*Maka diperbuat kumpulan ini*

atas jalan yang ringkas supaya dapat mengetahui lekas ialah dengan permintaan saudara Paduka Khalid Raja Hitam”. Tarikh kitab itu mula dikarang tidak dinyatakan. Ia dinyatakan dikarang semasa pemerintahan Sultan Abdul Rahman Muazzam Syah, yakni saudara kepada pengarang sendiri yang menjadi Yang Dipertuan Muda Riau yang kesebelas (1899-1911). Catatan itu telah dipetik di bawah ini:

Dan Sultan Abdul Rahman Muazzam Syah kerajaan Lingga-Riau yang ada masa memperbuat kumpulan ini – keturunan pihak ayahnya daripada Daeng Celak yang telah tersebut, dan berputerakan Raja Haji, dan berputerakan Raja Ja’far, dan berputerakan Raja Ali, dan berputerakan Raja Muhammad Yusuf, dan berputerakan Raja Abdul Rahman (sultan yang ada sekarang). (KKKRBL: 29)

Isi kandungan kitab ini terdiri daripada tiga puluh satu Ringkasan yang dibahagikan kepada seratus enam puluh Penceraian. Dalam setiap Ringkasan, pengarang membicarakan tema yang tertentu yang kemudiannya dipecahkan kepada beberapa bahagian yang lebih kecil dalam Penceraian. Pembahagian kisah dalam keseluruhan teks adalah seperti yang berikut:

Pengenalan dan tentang sifat-sifat mulia manusia (halaman 1-24),
tentang sejarah raja-raja Bugis (halaman 25-31),
tentang cerita-cerita hikayat (halaman 32-49),
tentang adab tutur kata dan menjaga kesihatan badan (halaman 50-60) dan
syair penutup teks (halaman 61-65).

Adalah menarik kerana tajuk dalam setiap Ringkasan dinyatakan secara perbandingan dalam nada puitis. Hal ini menunjukkan daya kreativiti Raja Haji Ali dalam menyampaikan buah fikiran melalui penggunaan bahasa yang indah. Tajuk-tajuk berkenaan adalah seperti berikut:

Ringkasan yang pertama:
Pada menyatakan anggota tubuh manusia – Bandingan pada meneguhkan setia (13 penceraian)

Ringkasan yang kedua:
Kelebihan ilmu – Tiada malas jemu (4 penceraian)

Ringkasan yang ketiga:
Kelebihan akal – Jadi bekal (2 penceraian)

Ringkasan yang keempat:
Sangka yang honar – Kesamaran benar (2 penceraian)

Ringkasan yang kelima:
Sangka yang culas – Tipu daya malas (1 penceraian)

Ringkasan yang keenam:

Pergunaan busuk hina salah – Tiada sia-sia dijadikan Allah (3 penceraiian)

Ringkasan yang ketujuh:

Berhimpun beserta dengan pengetahuan – Berpegang kukuh oleh bangsawan (11 penceraiian)

Ringkasan yang kedelapan:

Penjagaan tergelincir – Benar itu jangan cicir (1 penceraiian)

Ringkasan yang kesembilan:

Sumpah setia jalan agama – Bagi yang bahagia lagi saksama (10 penceraiian)

Ringkasan yang kesepuluh:

Tawarikh segala raja-raja dahulukala (11 penceraiian)

Ringkasan yang kesebelas:

Keturunan yang pandak – Kerana tujuan kehendak (1 penceraiian)

Ringkasan yang keduabelas:

Sultan yang ada sekarang – Daripada ayah bondanya terang (1 penceraiian)

Ringkasan yang ketigabelas:

Asal Melayu diambil dalil – Daripada al-marhum Abdul Jalil (5 penceraiian)

Ringkasan yang keempatbelas:

Sebab digelar Upu Kelana Jaya dengan sahifah – Yang Dipertuan Muda Sultan Ala al-Din Syah (1 penceraiian)

Ringkasan yang kelimabelas:

Hikayat yang pertama – Anusyarwan kebilangan nama (2 penceraiian)

Ringkasan yang keenambelas:

Hikayat yang kedua – Shabib ibn Shibah memberi petua (4 penceraiian)

Ringkasan yang ketujuhbelas:

Hikayat yang ketiga jadi seruan – Antara Qaisar Rum dengan Anusyarwan (1 penceraiian)

Ringkasan yang kedelapanbelas:

Hikayat yang keempat ditanya orang – Akan Arastatalis dijawab terang (6 penceraiian)

Ringkasan yang kesembilanbelas:

Hikayat yang kelima tanya Raja Iskandar – Akan Arastatalis yang asyhar (1 penceraiian)

Ringkasan yang keduapuluh:

Hikayat yang keenam – Cetera Iskandar elok ditanam (3 penceraiian)

Ringkasan yang kedua puluh satu:

Hikayat yang ketujuh kenyataan – Hakim Saqrat punya perkataan (1 pencerai)

Ringkasan yang kedua puluh dua:

Hikayat yang kedelapan Buzir Jamhur – Orang yang bijak lagi masyhur (2 pencerai)

Ringkasan yang kedua puluh tiga:

Hikayat yang kesembilan – Yang dikehendaki bagi sultan (3 pencerai)

Ringkasan yang kedua puluh empat:

Hikayat yang kesepuluh pada perjalanan – Menteri yang elok lagi diperkenan (9 pencerai)

Ringkasan yang kedua puluh lima:

Hikayat yang kesebelas menteri terpuji – Sunyi mendapat nama yang keji (3 pencerai)

Ringkasan yang kedua puluh enam:

Hikayat yang kedua belasnya – Peri berubah niat rajanya (4 pencerai)

Ringkasan yang kedua puluh tujuh:

Hikayat yang ketigabelas – Menteri khianat lagi pemulas (5 pencerai)

Ringkasan yang kedua puluh delapan:

Adab perangai berkata-kata – Memilih maqam jangan sekata (21 pencerai)

Ringkasan yang kedua puluh sembilan:

Pemeliharaan sembuh – Bagi kesentosaan tubuh (26 pencerai)

Ringkasan yang ketiga puluh:

Syair tuntutan – Jadi ingatan (1 pencerai)

Ringkasan yang ketiga puluh satu:

Kesusahan Kumpulan Ringkas – Mengambil segera jalan yang lekas (2 pencerai)

Setelah diperhalusi, struktur kitab ini boleh dibahagikan kepada lima bahagian penceritaan. Bahagian pertama meliputi Ringkasan yang pertama hingga Ringkasan yang kesembilan dengan isinya berkaitan sifat dan budi pekerti manusia. Dalam bahagian ini pengarang menekankan sifat yang seharusnya menjadi amalan dan pegangan hidup manusia. Antaranya sifat setia, berilmu, berakal, benar dan jujur. Menurut pengarang, kesempurnaan sifat manusia boleh diibaratkan sebagai kesempurnaan sebuah kerajaan (*KKRBL*: 4) Lihat petikan yang berikut:

Bermula adalah kerajaan itu dapat dibandingkan dengan seorang manusia yang akil baligh merdeka sejahtera daripada penyakit yang memberi mudarat pada tubuhnya.

Selanjutnya, pengarang ternyata telah membuat perbandingan yang menarik tentang struktur anggota manusia dengan struktur pentadbiran negara seperti berikut (halaman 6):

hati — raja
 anak kepala — istana
 ilmu — bentara kanan
 akal — bentara kiri
 mata/ telinga/ hidung/ mulut — menteri dalam
 dua tangan dan kaki — menteri luar
 anak-anak jari — segala amir
 ruasan-ruasan jari — juru/ batin/ penghulu/ ketua
 tulang/ urat/ kulit/ daging — rakyat/ bala tentera

Bahagian kedua kitab itu pula memaparkan sejarah ringkas salasilah raja-raja Bugis. Ia bermula daripada Ringkasan yang kesepuluh hingga Ringkasan yang keempatbelas. Dalam bahagian ini, pengarang mencatat dengan ringkas sejarah raja-raja Bugis dan Riau, bermula daripada Sultan Sulaiman Badrul-Alam Syah (1702-1760) hingga Raja Muhammad Yusuf al-Ahmadi yang mangkat pada tahun 1899. Tempoh pemerintahan setiap sultan dicatatkan lengkap dengan tarikh menaiki takhta dan tarikh kemangkatan masing-masing. Wajar dinyatakan di sini bahawa Raja Muhammad Yusuf al-Ahmadi adalah bapa kepada pengarang. Selepas kemangkatan Raja Muhammad Yusuf, takhta kerajaan Riau turun kepada anaknya Sultan Abdul Rahman Muazam Syah, yakni saudara kepada pengarang kitab. Dalam bahagian ini juga pengarang mencatatkan secara ringkas asal-usul perhubungan yang baik antara orang Bugis dengan orang Melayu di Johor.

Bahagian yang ketiga adalah himpunan beberapa buah hikayat yang berunsurkan nasihat seperti yang terdapat dalam Ringkasan yang kelimabelas hingga Ringkasan yang keduapuluh tujuh. Dalam bahagian ini, pengarang memetik beberapa buah cerita tentang raja yang adil dan menteri yang bijaksana dan yang terkenal dalam kesusasteraan Islam. Misalnya, kisah Anusyarwan (Nusyirwan Adil) dan Iskandar Zulkarnain, serta petikan kata-kata daripada Aristotle, Iskandar Zulkarnain dan Buzur Jamhur. Dalam konteks pengajian kesusasteraan, cerita tauladan adalah bahagian yang sangat penting, maka perlu diberi perhatian khusus dalam meneliti perkaitan antara unsur cerita nasihat dengan soal pentadbiran negara. Di sini didapati cerita-cerita nasihat tersebut disusun dan dimasukkan ke dalam kitab ini untuk memberi tauladan kepada raja-raja Riau, dan Melayu tentang sifat pemerintah yang baik, menurut tradisi adab pemerintahan Islam.

Bahagian keempat membicarakan dua tema kecil tentang adab berkata-kata dan menjaga kesihatan tubuh badan. Kesemua itu terangkum dalam Ringkasan yang keduapuluh lapan hingga Ringkasan yang keduapuluh sembilan. Dalam bahagian ini, pengarang menasihati pembaca agar sentiasa menjaga adab dalam

tutur kata, seperti sentiasa berkata benar, berilmu, mengaku kesalahan, tidak mengaibkan orang lain, bersopan santun, lemah lembut dan mengelakkan perbantahan. Semua nasihat itu sangat penting kepada raja agar sentiasa memelihara tutur kata, tidak menghina dan bersikap kasar terhadap rakyat. Demikianlah nasihat pengarang (*KKRBL*: 52):

Ketahuilah ayuhai yang dikasihi, sesungguhnya lidah yang berakal itu di belakang hatinya, dan hati yang ahmak itu di belakang lidahnya... Seseorang itu dengan sebab amalnya bukan dengan sebab perkataannya.

Pada bahagian memelihara kesihatan badan, Raja Haji Ali menekankan pentingnya menjaga makanan, minuman dan pakaian. Beliau juga menasihati pembaca agar melakukan amalan berpuasa dan sentiasa menjaga waktu tidur. Aspek kesihatan badan sangat penting kepada raja-raja agar dapat melaksanakan pemerintahan negara dengan berkesan. Kitab ini diakhiri dengan bahagian kelima yang terdiri daripada dua buah syair tentang nasihat seperti yang terdapat dalam Ringkasan yang ketigapuluh dan Ringkasan yang ketigapuluh satu. Di sini, gubahan syair menampilkan satu lagi bukti yang kukuh tentang popularnya syair di kalangan pengarang Riau, khususnya yang bertemakan nasihat dan akal budi manusia.

Secara keseluruhannya, struktur penulisan *KKRBL* terdiri daripada lima bahagian yang saling berkaitan. Bahagian pertama berkisar kepada beberapa panduan asas tentang tatakelakuan manusia, diikuti dengan sejarah ringkas tentang raja-raja Riau pada bahagian kedua. Hal ini diikuti pula dengan pelbagai cerita nasihat sebagai panduan kepada raja-raja dalam bahagian ketiga. Seterusnya hal ini diperkukuh lagi dengan beberapa nasihat tambahan tentang pembentukan tingkah laku manusia dalam bahagian keempat dan diakhiri dengan dua buah syair nasihat dalam bahagian kelima. Walaupun terdapat tajuk-tajuk yang agak umum, tetapi isi kandungan dalam tajuk-tajuk itu ternyata berkisar ke arah memberi panduan dan nasihat kepada raja-raja dan pembesar negara.

Sebagaimana karya ketatanegaraan yang lain, *KKRBL* menekankan idealisme keadilan raja-raja dalam Islam. Sehubungan itu, terdapat banyak petikan yang menyarankan raja-raja supaya melaksanakan pemerintahan dengan adil, lebih-lebih lagi menjauhkan sifat yang zalim. Raja yang adil akan membawa negara ke arah kemakmuran; sementara raja yang zalim akan membawa negara ke arah kemusnahan. Petikan yang berikut adalah kata hikmat tentang keadilan raja daripada beberapa orang tokoh yang terkenal dalam kesusasteraan Islam (*KKRBL*: 36-37):

Dan telah bertanya oleh raja Iskandar akan Arsatatalis, “Apa dua yang afdal bagi segala raja-raja, beranikah atau adilkah? Maka kata Arsatatalis, “Apabila adil raja nescaya tiada berhajat kepada berani”.

Maka berkata raja Iskandar, “Tiada disebut laki-laki kemudian daripada mati mereka itu dengan sebab banyak anak tetapi disebut mereka itu dengan sebab elok perjalanan dan adil hukumnya”.

Dan telah berkata seorang hakim yang bernama Saqarat, katanya, “Bermula alim itu tempat keinderaan daripada adil dan apabila datang zalim nescaya tiada teguh dan tetap”.

Di samping menerangkan sifat raja yang adil atau zalim, Raja Haji Ali Kelana tidak ketinggalan memetik keterangan tentang sifat menteri yang adil atau zalim. Menurut pengarang, raja dan menteri harus sama-sama memiliki sifat yang mulia dan bijaksana, agar urusan pentadbiran kerajaan dapat berjalan dengan baik. Lihat petikan yang berikut (*KKRBL*: 40):

Dan yang pertama adalah menteri itu salih adil lagi memelihara tiap-tiap pihaknya.

Peri pentingnya hubungan yang baik antara raja dengan menteri telah juga disimpulkan dalam petikan yang berikut (*KKRBL*: 41):

Sayugia diketahui bahawa kekal kerajaan itu dengan sebab menteri yang elok dan dunia ini sebab raja yang adil.

Huraian Raja Haji Ali Kelana tentang sifat menteri yang baik atau yang sebaliknya juga terdapat dalam Ringkasan yang kedua puluh empat, Ringkasan yang kedua puluh lima dan Ringkasan yang kedua puluh tujuh Lihat Lampiran.

Kewujudan cerita nasihat dalam *KKRBL* tidak dibuat secara kebetulan, tetapi berdasarkan tradisi kesusasteraan adab Parsi seperti yang sering ditemui dalam karya *Mirrors for Rulers*. Dalam kitab tersebut, Raja Haji Ali Kelana cenderung untuk menasihati raja dan pembesar Riau dengan cerita nasihat yang dipetikanya daripada sastera Islam, khususnya berkaitan kisah raja, pembesar, ahli bijak pandai dan tokoh dari Parsi. Besar kemungkinan cerita tauladan dalam *KKRBL* juga telah disalin daripada *Nasihah al-Muluk* atau *Taj al-Salatin* atau *Bustan al-Salatin*. Ketiga-tiga teks ketatanegaraan yang awal itu memang terkenal di Kepulauan Melayu, maka besarlah kemungkinan telah menjadi sebahagian daripada koleksi manuskrip di perpustakaan istana di Riau. Hal ini memberi andaian bahawa tradisi memetik cerita tauladan untuk raja-raja seperti yang terdapat dalam tradisi kesusasteraan Parsi itu telah berkembang dalam *Taj al-Salatin* dan *Bustan al-Salatin* dan seterusnya dihidupkan pula oleh Raja Haji Ali Kelana. Semua cerita yang disenaraikan (kecuali cerita tentang Shabib ibn Shabah) terdapat dalam *Nasihah al-Muluk*, *Taj al-Salatin* dan Bab III *Bustan al-Salatin*. Cerita tentang Shabib ibn Shabah hanya terdapat dalam *Nasihah al-Muluk* sahaja. Cerita Kastasab (Gushtasb) dan Rasat Rusan (Rast-ravishn) terdapat dalam *Nasihah al-Muluk* (Bagley 1964: 93) dan *Taj al-Salatin* (Khalid M. Hussain 1992: 119). Cerita tersebut juga terdapat dalam Bab III *Bustan al-Salatin* (Jelani Harun 1999a). Antara cerita yang dipercayai bersumber daripada *Nasihah al-Muluk* atau *Taj al-Salatin* atau *Bustan al-Salatin* adalah seperti yang berikut:

1. Cerita Nusyirwan Adil mendapat nasihat daripada wazirnya yang bernama Yunan.

2. Cerita Nusyirwan Adil menulis surat kepada Kaisar Rum tentang perkara-perkara baik yang menjadikan kerajaan kekal.
3. Kisah Shabib ibn Shabah memberi nasihat kepada seorang raja bernama Mahadi tentang kepentingan raja bersifat adil dalam pemerintahannya.
4. Cerita Iskandar Zulkarnain tentang kepentingan sifat adil.
5. Kisah Ibrahim Hajib yang setia kepada rajanya dengan tidak mengkhianati rajanya yang telah tewas dalam peperangan.
6. Kisah Nusyirwan Adil pergi berburu dan bertemu dengan seorang gadis yang bijaksana serta beri pengajaran moral.
7. Kisah raja Kastasab dan menterinya bernama Rasat Rusan yang khianat.

Inilah contoh cerita nasihat yang baik dalam kisah raja Parsi purba yang bernama Kastasab dengan menterinya yang khianat yang bernama Rasat Rusan. Cerita tersebut terdapat dalam Ringkasan yang kedua puluh tujuh dengan tajuk *Menteri Khianat lagi Pemulas* (*KKRBL* 1910: 47-49). Diceritakan raja Kastasab mempunyai seorang menteri yang sangat dipercayainya: Rasat Rusan. Atas kepercayaan tersebut, raja Kastasab telah menyerahkan kuasa yang besar kepadanya, termasuk mengurus harta perbendaharaan negara. Tetapi, Rasat Rusan telah mengkhianati kepercayaan raja dengan membolot segala harta perbendaharaan negara. Tidak lama kemudian, musuh datang menyerang negeri raja Kastasab. Raja Kastasab menitahkan tenteranya mengambil harta perbendaharaan untuk digunakan dalam peperangan. Tetapi, harta perbendaharaan negara telah kosong tanpa diketahui puncanya. Dalam kedukaannya, raja Kastasab menunggang kudanya ke luar kota, sehingga tiba ke sebuah khemah gembala kambing. Di pintu khemah tersebut, raja Kastasab melihat seekor anjing mati tergantung. Raja Kastasab bertanya tuan punya khemah tentang anjing yang tergantung itu. Tuan punya khemah menyatakan anjing tersebut sangat dipercayainya, tetapi telah khianat terhadapnya sehingga menyebabkan banyak kambing gembalaannya mati dimakan serigala. Anjing berkenaan akhirnya dibunuh dan digantung di pintu khemah sebagai tanda pembalasan dan peringatan kepadanya.

Selepas mendengar kisah tersebut, raja Kastasab kembali ke istananya dan memerintahkan pegawainya menyiasat kehilangan harta perbendaharaan negara. Daripada siasatan itu diketahui harta tersebut telah dibolot Rasat Rusan yang sangat dipercayainya. Rasat Rusan akhirnya telah dihukum bunuh dan mayatnya digantung di luar pintu kota. Itulah cerita tauladan yang dikemukakan Raja Haji Ali Kelana dalam *KKRBL* sebagai panduan kepada raja-raja Riau agar sentiasa berwaspada dalam pemerintahan dan tidak terlalu mempercayai pegawai istana tanpa had dan batasan. Cerita itu diakhiri dengan madah puitis yang berikut (*KKRBL*: 49):

Barangsiapa tertipu ia dengan sebab nama yang mempunyai rosak, nescaya tinggallah ia dengan ketiadaan bekal yang sentiasa sesia, dan barangsiapa khianat ia pada bekal, nescaya kembali ia dengan ketiadaan nyawa leher terpenggal, dan barangsiapa percaya akan yang mempunyai khianat, nescaya habislah harta punah ranah demikianlah halnya.

KKRBL telah siap dikarang pada sekitar dua tahun sebelum Sultan Abdul Rahman Muazzam Syah dilucutkan jawatannya oleh pihak Belanda pada 1911. Perlucutan jawatan tersebut mempunyai perkaitan erat dengan sikap dan tingkahlaku Sultan Abdul Rahman yang tidak disenangi pihak Belanda. Sultan Abdul Rahman dikatakan telah membuat beberapa perkara yang berlawanan dengan perjanjian antara Riau – Belanda sehingga memaksa pihak Belanda membuat kepungan terhadap Pulau Penyengat pada 1911. Sultan Abdul Rahman akhirnya telah dilucutkan jawatannya oleh pemerintah Belanda di Betawi melalui sepucuk surat yang antara lain berbunyi seperti yang berikut:

Maka tuan sultan diberhentikan dari pangkatnya itu sebab banyak kali melanggar politik contract: beberapa kali juga diberi nasihat oleh Seri Paduka Gouverneur Generaal Betawi dan Seri Paduka Tuan Besar Resident Tanjung Pinang.

Keterangan di atas menunjukkan kemungkinan bahawa tujuan Raja Haji Ali Kelana mengarang *KKRBL* ada kaitan dengan kemerosotan pengaruh raja-raja Riau terhadap kuasa Belanda. Melalui karya itu, Raja Haji Ali Kelana ingin merakam semula sejarah kegemilangan kerajaan Riau sebagai sumber rujukan pada masa hadapan. Penghasilan karya tersebut menjadi begitu bermakna tentang lambang kewujudan dan kemegahan kerajaan Riau di ambang keruntuhan. Ada kemungkinan juga bahawa Raja Haji Ali Kelana berhasrat untuk memberi nasihat dan ajaran moral kepada waris takhta Riau (khususnya kepada Sultan Abdul Rahman yang sedang memerintah ketika itu) agar memelihara kedudukan dan martabatnya demi pengekalannya kekuasaan diraja Riau daripada tindakan pihak Belanda. Walau bagaimanapun, harapan Raja Haji Ali Kelana itu tidak kesampaian setelah Belanda melucutkan jawatan Sultan Abdul Rahman.

KESIMPULAN

Karya ketatanegaraan Melayu telah mengalami perjalanan sejarah yang panjang. Bermula daripada zaman kesultanan Aceh pada sekitar awal abad ke-17, karya ketatanegaraan berkembang ke seluruh Alam Melayu, sama ada dalam bentuk karya baru ataupun salinan daripada karya yang sedia ada. Sehingga kini *KKRBL* yang dihasilkan di Riau pada awal abad ke-20 itu adalah karya ketatanegaraan Melayu yang terakhir yang diketahui dalam sejarah kesusasteraan Melayu. Melalui kitab tersebut, Raja Haji Ali Kelana telah meninggalkan buah tangan yang sangat berharga tentang sejarah dan adab pemerintahan kesultanan Riau zaman silam untuk tatapan generasi masa kini.

Kewujudan karya ketatanegaraan dalam kesusasteraan Melayu tradisional adalah juga petunjuk tentang pentingnya nilai tatasusila dan keharmonian dalam kehidupan istana Melayu zaman silam. Walaupun genre tersebut berasal dari tradisi keilmuan Islam dan mengandungi cerita moral yang berasal dari negara luar, tetapi panduan pentadbiran dan cerita didaktik yang dipaparkannya itu

bersifat sejagat, maka sesuai dijadikan tauladan oleh raja-raja Melayu, dari dahulu hingga sekarang. Dalam konteks yang lebih luas, karya ketatanegaraan Melayu boleh menjadi bahan rujukan penting dalam pembentukan dasar pemerintahan negara, pelaksanaan sistem undang-undang dan pembinaan jati diri bangsa di zaman moden.

Genre karya ketatanegaraan yang dikemukakan dalam tulisan ini telah menggambarkan ia mempunyai kedudukan yang penting dalam sejarah kesusasteraan Melayu. Ada diyakini masih banyak lagi karya ketatanegaraan Melayu yang telah dihasilkan dalam zaman keagungan kesultanan Melayu di Aceh, Riau, kerajaan-kerajaan kecil di Sumatera, Patani, Brunei Darussalam dan juga di Semenanjung Tanah Melayu. Kajian yang terbaharu daripada penulis ini ke atas *Kitab Nasihat Raja-raja* yang tersimpan di Arkib Terengganu menunjukkan bahawa masih ada karya ketatanegaraan di istana Melayu yang masih belum diselidiki. Hanya dengan kajian manuskrip yang menyeluruh, barulah suatu rumusan tentang sejarah, falsafah dan prinsip karya ketatanegaraan Melayu dapat dibuat dengan lebih sistematik dan holistik.

LAMPIRAN

Petikan daripada *Kitab Kumpulan Ringkas Berbetulan Lekas*: 37-50.

RINGKASAN YANG KEDUA PULUH SATU

Hikayat yang kedelapan Buzur Jamhur – Orang yang bijak lagi Masyhur

Penceraian

Dan ditanya orang akan Buzur Jamhur, “Dengan apa sesuatu yang zahir ia kemuliaan dan kemegahan bagi raja?” Maka berkata ia, “Dengan sebab tiga perkara: Pertama, memelihara negeri serta menolak segala seteru daripada pihak kebinasaan. Kedua, memuliakan segala ulama yang benar dan memegahkan mereka itu. Ketiga, kasih sayang akan ahli kelebihan.”

Penceraian

Kerana sesungguhnya, tiap-tiap kali zalim sultan itu menakuti oleh ahli negerinya, /38/ jikalau di dalam hikmat yang banyak sekalipun, maka sesungguhnya nikmat yang banyak serta ketakutan itu tiada tertelan pada perjalanan khalkum, dan apabila ada nikmat itu sedikit nescaya tertelan ia dengan sebab sejahtera.

RINGKASAN YANG KEDUA PULUH TIGA

Hikayat yang kesembilan – Yang dikehendaki bagi sultan

Penceraian

Dan diketahui bahawa sultan itu tinggi martabatnya dan elok sebutannya kerana itu sangat hajat baginya akan segala sifat yang di bawah ini:

Pertama, besar cita-cita dan bersih perangai yang dibangsakan kepada nafsu dan saksama kuat yang dibangsakan kepada perkasa.

Kedua, tilik yang betul lagi teguh dan memandang segala orang yang dahulu daripadanya dan kemudian daripadanya dan segala khabar-khabar mereka itu dan cubaan-cubaannya.

Ketiga, dan mengetahui akan kadar sesuatu, maka sesuatu itu sama ada kecil apalagi besar, ringan apalagi berat, senang apalagi payah, dan umpamanya.

Keempat, sabar atas segala kesukaran dan tanggungan yang sunyi daripada keluh-kesahnya.

Kelima, segala harta benda yang berhimpun dan banyak kerana keadilan dan kekuatan.

Keenam, dan beberapa orang yang menolong yang benar mereka itu.

Ketujuh, dan membahagikan tiap-tiap sesuatu atas hak-haknya dan tempatnya.

Kedelapan, menunaikan janji dan mengasihani pada yang patut dikasihani.

Kesembilan, menutup segala pintu kesusahan dan kebinasaan.

Kesepuluh, menetapkan fikiran pada tiap-tiap kebajikan dan diamalkan dia. /39/

Penceraian

Dan kesebelas, maafilah akan segala menteri dengan tiga perkara:

- (1) Apabila tergelincir menteri atau kedapatan kesalahannya nescaya jangan segera atasnya siksa.
- (2) Apabila beroleh kekayaan dan keluasan menteri itu dengan sebab khidmat pada raja nescaya tiada loba raja akan hartanya.
- (3) Apabila meminta menteri itu akan sesuatu hajat yang patut nescaya ditunaikan dengan jalan yang elok.

Penceraian

Maka kata hakim yang bernama Bahram Gur, beberapa perkara berkehendak sultan itu kepadanya setengah daripadanya:

Pertama, wazir yang salih supaya menyatakan sultan padanya akan segala rahsia dan membicara ia sertanya dengan tilik yang sempurna.

Kedua, kuda yang baik supaya melepaskan ia akan dia pada hari yang berhajat kepada tempat kelepaan.

Ketiga, pedang yang elok lagi tajam dan segala senjata yang tetap di dalam penjagaan dan pemeliharaan.

Keempat, segala harta benda yang banyak lagi ringan tanggungannya seperti intan dan lukluk dan umpamanya.

Kelima, isteri yang elok lagi berbudi supaya dapat berjinak-jinak akan baginya pada masa yang sedikit yang boleh menghilangkan duka cita yang terkandung itu.

Keenam, tukang masak yang pandai dan elok, sedap rasanya tidak bertolak. /40/

RINGKASAN YANG KEDUA PULUH EMPAT

Hikayat yang kesepuluh pada perjalanan – Menteri yang elok lagi diperkenan

Penceraian

Dan yang pertama, adalah menteri itu salih, adil lagi memelihara tiap-tiap pihaknya. Dan sesungguhnya tiada dapat daripada segala raja-raja bahawa memerintah dan membicarakan segala pekerjaan dengan ketiadaan menteri. Yang demikian ini jikalau ada nescaya tiada sah pada hukum agama dan adat-istiadat dunia. Dan barangsiapa menunggali ia daripada tilik bicaranya nescaya sesat dengan ketiadaan syak sekali-kali. Kerana Nabi sallallahu alaihi wassalam kedatangan wahyu, mempunyai mukjizat, lagi besar pangkatnya, dan tinggi martabatnya, dan fasih lidahnya dan lain-lainnya, maka betapakah disuruh oleh Allah subhanahu wa taala atasnya mencari sahabat yang berakal dan berilmu supaya mesyuarat. Istimewa yang lain daripada itu.

Penceraian

Dan yang kedua, sebagaimana kata Ardasyir anak Babakan: “Sahabat yang terlebih memberi muslihat bagi raja itu iaitu menteri yang berakal lagi pengasih, kepercayaan, salih, benar, tetap”.

Penceraian

Dan yang ketiga, ada pun menteri yang demikian itu maka ia memelihara akan segala rahsia sultan. Kerana itu tiada sayugia sultan itu menyembunyikan dia, dan membicara ia dengan dia akan segala pekerjaan yang dalam dan tinggi, dan dengan dialah hidup segala pemerintahan.

Penceraian

Dan yang keempat, dengan dialah kesukaan raja dan dapat ia memadamkan segala api /41/ persengketaan dan perseteruan. Dan ialah yang terutama manusia di sisi raja. Kerana itu berkata raja Anusyarwan bagi anaknya: “Muliakan olehmu akan wazirmu. Sesungguhnya ia apabila melihat akan dikau atas suatu pekerjaan yang tiada harus bagi engkau nescaya tiada muafakat ia akan dikau sekali-kali”.

Penceraian

Dan yang kelima, sayugia bagi menteri itu bahawa cenderung ia kepada semata-mata kebajikan daripada mana-mana pihak dan menjaga segala kejahatan daripada mana-mana pihak.

Penceraian

Dan yang keenam, menteri itu membantu dan menolong serta menguatkan atas kebajikan niat rajanya, lagi mengasihani segala hamba Allah yang mulia dan hina.

Penceraian

Dan yang ketujuh, apabila adalah rajanya itu mempunyai tabiat perengus, pamarah, dan tiada mengasihani atas segala hamba Allah, nescaya wajib atas menteri bahawa mencari jalan yang mencerdikkan dia dengan perlahan dan lemah lembut, halus, dan daripada

mana-mana wajah yang dapat menunjukkan dia bagi segala kelakuan yang terpuji, dan membangsakan segala pekerjaan dan kelakuan yang elok itu bagi rajanya.

Penceraian

Dan yang kedelapan, sayugia diketahui bahawa kekal kerajaan itu dengan sebab menteri yang elok dan dunia ini dengan sebab raja yang adil.

Penceraian

Dan yang kesembilan, bahawa tiada harus menteri itu bercita yang lain daripada kebajikan yang umum manfaatnya bagi agama dan watan yang dikasihi. /42/

RINGKASAN YANG KEDUA PULUH LIMA

Hikayat yang kesebelas menteri terpuji – Sunyi mendapat nama yang keji

Penceraian

Bermula di dalam negeri Khurasan seorang raja yang salih, berilmu, berakal, bernama Sultan Muhammad. Dan elok perjalanannya dan umarah negerinya dan teguh kotanya dan masyhur namanya. Maka pada suatu masa diperangi negerinya oleh seorang raja bernama Sultan Yaakub yang sangat keras hatinya dan gagah beraninya. Beberapa lama Sultan Yaakub itu berusaha dan bersungguh-sungguh memukul negeri itu tiada dapat. Apalagi kota negeri itu dengan sebab kuatnya, seolah-olah lemah Sultan Yaakub itu daripada asanya.

Maka dengan hikmat tuhan, tiba-tiba belot beberapa menteri Sultan Muhammad yang dalam kota itu mengirinkan beberapa pucuk surat dengan rahsia kepada Sultan Yaakub memberi dan menunjukkan jalan pada mengalahkan kota itu. Melainkan seorang menteri yang besar sekali bernama Ibrahim, tiada memberi surat atau menunjukkan jalan pada Sultan Yaakub itu sekali-kali.

Dan dengan takdir tuhan yang amat kuasa, kalahlah kota itu pada masa yang sedikit. Dan turunlah Sultan Muhammad daripada takhta kerajaannya. Dan berhimpunlah segala menteri-menteri yang belot itu dengan kesukaannya di sisi Sultan Yaakub serta segala orang yang bernama, dan kaya-kaya yang loba akan kebesaran, kemegahan pangkat darjat yang tinggi daripada Sultan Yaakub itu. Maka Sultan Yaakub pun menghimpunkan segala menteri-menterinya dan menteri yang belot dan lain-lainnya kerana menzahirkan majlis kesukaan dan menjamu serta menganugerahi akan segala mereka dengan beberapa harta benda atas kadar yang patut bagi masing-masing itu.

Dan kemudian daripada selesainya, maka Sultan Yaakub bertanya, katanya pada majlis itu, “Adakah seorang yang patut hadir maka tiada hadir ia?” Jawab seorang daripada menterinya, “Sekaliannya hadir melainkan seorang menteri /43/ yang bernama Ibrahim”. Maka kata Sultan Yaakub. “Sakitkah ia?” Dijawab, “Tidak”.

Maka disuruh panggil. Maka Ibrahim pun datang dengan rupa yang sangat percintaan. Dan tatkala sampai Ibrahim, maka berkata Sultan Yaakub, “Hai Ibrahim, kamukah seorang menteri daripada Sultan Muhammad?” Jawab Ibrahim, “Bahkan, kamilah setengah daripada menteri-menteri Sultan Muhammad itu.” Maka kata Sultan Yaakub, “Hai Ibrahim, “Apa sebab sekalian menteri Sultan Muhammad itu hadir di sisi kami melainkan kamu kemudian, dan segala menteri-menteri Sultan Muhammad menghantar beberapa surat

kepada kami pada ketika kami di luar kota melainkan kamu tiada, dan segala yang hadir di sisi kami dengan rupa yang kesukaan dan kamu dengan kedukaan? Maka hal ini hendaklah kamu berkata benarnya, jikalau tiada nescaya binasalah nyawa, harta benda, anak cucu kamu sekalianya pada hari ini!” Jawab Ibrahim, “Hai raja, perkataan yang benar itu tiadakah jadi kemarahan?” Maka kata Sultan Yaakub, “Kata olehmu ya Ibrahim”.

Penceraihan

“Bermula ada pun Sultan Muhammad itu maka sesungguhnya raja di dalam negeri kami, lagi salih, berilmu, adil, beradab, memelihara serta mengasihani. Dan dijadikannya kami menteri dan dianugerahinya kami dengan kebesaran dan kemuliaan, dan beberapa harta benda dan beberapa nikmat yang telah kami rasa yang tiada terkira-kira banyaknya. Dan kewajipan atas kami supaya jadi teman dan taulannya pada ketika kesusahan dan kesukaan, dan membicarakan segala barang yang kebajikan yang ada di dalamnya kesukaran. Dan duduk diam kami di bawah langit dan atas bumi negeri kami dan memakan kami akan segala tumbuh-tumbuhan yang terbit daripadanya dan minum kami akan minuman air lelehan dan telaga yang lemak manis yang keluar daripadanya. Dan kami setengah daripada barang yang terkandung antara langit bumi yang berbetulan di dalam had sempadan negeri kami yang telah diwakilkan oleh tuhan yang benar bagi raja kami. Maka tatkala itu adakah harus kami menjadikan sebab kehinaan dan kebinasaan /44/ yang terkena dan bertanggung di atas raja kami? Dan demikian inikah layak persetiaan kami dengan raja kami dan tanah air kami yang dikasihi itu? Dan patutkah kebajikan dan pemeliharaan raja kami yang tiada dapat kami bilangi itu dibalas dengan satu surat kebinasaan dan kehinaan yang telah tertentu di atas tanah air dan raja kami itu? Hai Sultan Yaakub, inilah setengah sebab yang menegahkan kami daripada memberi surat kepada kamu dan sebab kami tiada datang kepada kamu dengan ketiadaan tuntutan, dan datang kami di sisi kamu dengan rupa percintaan – kerana kamu itu seteru raja kami – dan kami di dalam kebajikannya yang amat sempurna dan di dalam pemeliharaannya yang amat berguna. Betapakah dapat kami menghadapkan muka yang kesukaan di sisi seteru raja kami yang belum kami ketahui pemeliharaannya dan yang belum kami rasa nikmatnya, pada hal raja kami serta anak isterinya di dalam percintaan dan kehinaan? Jikalau raja kami itu fasik sekalipun belumlah dapat kami mencenderungkan perdirian kami pada yang lainnya, istimewa pula raja kami seelok-elok raja.”

Penceraihan

Maka tatkala mendengar Sultan Yaakub akan perkataan Ibrahim itu, seketika itu jua berdiri ia dengan katanya, “Syadbas, ya Ibrahim! Kamulah seorang menteri yang terpuji, tiada mendapat nama yang keji”. Demikianlah kelakuan perikatan setia yang teguh, perkataan yang benar dikhabarkan sungguh.

RINGKASAN YANG KEDUA PULUH ENAM Hikayat yang keduabelasnya – Peri berubah niat rajanya

Penceraihan

Bahawa Raja Anusyarwan al-Adil pada suatu hari pergi memburu akan perburuan. /45/ Maka ketinggalan ia daripada askarnya. Dan kemudian daripada itu maka melihat ia akan

satu kebun yang kecil berhampiran daripadanya, pada hal adalah ianya sangat dahaga. Dan menuju ia akan kebun itu dan mendekati ia akan pintu rumah itu. Dan menuntut ia daripadanya akan sedikit air supaya minum ia.

Maka keluar seorang anak perempuan, memandang ia akan Anusyarwan itu. Dan segera ia berbalik pada tempatnya. Maka memotong ia akan sepotong tebu dan mengilang ia akan dia. Dan barang yang dapat daripada kilangan itu dibubuhnya di dalam sebuah piala atau mangkuk daripada kayu. Dan menyerah ia akan piala itu kepada Anusyarwan.

Maka menilik Anusyarwan ke dalam piala itu, terpdang ia padanya tanah sampah yang bercampur bersama-samanya. Maka minum ia daripadanya dengan perlahan-lahan sehingga sampai kepada habisnya. Dan berkata Anusyarwan bagi anak perempuan itu, "Syadbas, seelok-elok minuman jika tiada tanah yang mengeruhkan dia". Maka jawab anak perempuan itu, "Sengaja aku campurkan." Kata Anusyarwan, "Mengapa sebab?" Jawabnya, "Kerana aku pandang engkau sangat berkehendak dan dahaga kepada minuman. Jikalau aku sucikan minuman itu daripada tanah-tanah dan sampah-sampah nescaya engkau teguk akan dia dengan segera pada kali yang satu, pada hal memberi mudarat akan dikau."

Penceraian

Maka takjub Anusyarwan mendengar daripada perkataannya. Dan mengetahuilah ia bahawa tiada berkata akan yang demikian melainkan dengan sebab cerdik dan bijaknya. Maka diperiksa oleh Anusyarwan akan anak perempuan itu, "Daripada berapa potong yang telah memerah engkau akan dia maka dapat airnya sebanyak itu?" Jawab anak perempuan itu, "Daripada potong yang satu jua." Maka ajaib Anusyarwan mendengarkan serta terlintas pada hatinya berkehendak pada melebihi cukai daripada tiap-tiap satu dan yang demikian itu menyembunyi ia akan niatnya. Sesungguhnya apabila kembali ia daripada memburu nescaya menambahi ia daripadanya. /46/

Penceraian

Syhadan kemudian daripada itu memburulah pula Anusyarwan itu pada kali yang kedua. Dan melalui ia akan demikian itu dusun seorang dirinya. Dan menuntut ia akan air. Maka keluar anak perempuan itu dengan nyatanya. Maka melihat ia akan Anusyarwan dan mengetahui ia akan kehendaknya. Maka berbalik ia kepada tempatnya dan memerah akan sepotong tebu. Dan berlambatan ia padanya. Maka menuntut segera oleh Anusyarwan dan terkecuh-kecuh anak itu membawanya dengan air yang sedikit. Dan berkata Anusyarwan, "Kerana apa lambat engkau?" Maka menjawab ia, "Kerana sesungguhnya tiada keluar airnya daripada batang yang satu kadar hajat engkau. Kemudian daripada itu aku terbang lagi tiga batang yang panjang. Maka tiada jua keluar daripadanya seumpama yang telah keluar dahulunya daripada satu potong yang pendek." Maka kata Anusyarwan, "Apa sebab ini?" Jawab anak itu, "Sebab berubah niat raja. Kerana sesungguhnya, telah kami dengar, apabila berubah niat raja atas suatu kaum nescaya hilang berkat mereka itu dan sedikit kebajikan mereka itu."

Penceraian

Maka tertawa-tawalah Anusyarwan kemudian daripada mendengar akan perkataan yang keluar daripada anak perempuan itu. Dan seketika itu jua Anusyarwan menghilangkan

daripada dirinya akan niat yang tersembunyi dan salah itu. Dan berkahwin ia akan demikian itu anak kerana mengambil halal dan bijak cerdiknyanya. Inilah kadar bahayanya, sehingga niat yang sebanyak itu pun jadi merosakkan, betapa peri niat yang lebih besar dan banyak. /47/

RINGKASAN YANG KEDUA PULUH TUJUH Hikayat yang ketigabelas – Menteri khianat lagi pemulas

Penceraian

Adalah bagi satu raja bernama Kasytasab dan menterinya bernama Rasyat Rusyan. Dan dengan nama ini disangka oleh raja bahawa menterinya itu taqwa Allah dan salih. Dan tiada mendengar padanya akan perkataan dan sebut-sebutan daripada orang yang mencela akan dia atau mengkhobar oleh seorang akan segala hal-ehwalnya.

Pada suatu ketika, berkata menteri itu pada rajanya, “Sesungguhnya rakyat-rakyat itu telah sombong ia daripada kebanyakan adil kita atas mereka itu dan sedikit pengajaran kita bagi mereka itu, pada hal sesungguhnya telah dikata orang, apabila adil sultan itu nescaya zalim rakyatnya. Pada sekarang ini di dalam pandangan kami dan siasat kami, sesungguhnya telah berbahu daripada sisi mereka itu oleh bahu kebinasaan dan kesombongan mereka itu. Dan wajib atas kita bahawa memberi ajaran dan adab akan mereka itu, dan kita takuti akan mereka itu dengan hikmat yang sangat-sangat berguna, supaya bertambah-tambah keelokan negeri kita.”

Maka dengan sebab percaya rajanya dan harap akan kebajikan, diam ia daripada rundingan yang didengarnya itu. Dan berjalanlah menteri itu dengan barang yang tertanam pada hatinya sebagaimana perjalanan yang disebutkan di bawah ini.

Penceraian

Pertama, menjauhi ia akan segala orang yang melalui hudud.

Kedua, membiarkan segala pasik yang merosakkan.

Ketiga, [m-n-t-a-d-i-b] akan segala orang yang salihin.

Keempat, menahan daripada segala yang melazimi raja.

Kelima, membuka dan melepaskan segala orang yang terhukum. /48/

Keenam, membebaskan segala orang yang jahat.

Ketujuh, membuka pintu khazanah dengan mengambil kesedapan dan kesenangan dirinya.

Maka sekaliannya ini pada melawan segala rakyat yang sombong dan mengajar mereka itu sehingga membawa kedaifan rakyat dengan berkacau-bilau dan picik dengan dia segala hal-ehwal di dalam negeri. Dan tercengang-cengang segala mereka itu yang di dalamnya. Dan hampalah segala tempat khazanah daripada segala harta. Dan zahirlah bagi raja itu musuh seteru. Maka terkejut raja melihat segala kelakuannya. Maka memeriksai raja akan segala tempat khazanahnya. Tiba-tiba tiada mendapat padanya akan suatu yang boleh membaik membetulkan dengan dia akan segala pekerjaan askarnya.

Penceraian

Dan tiada dapat daya upaya yang lain, menunggang ia akan kenderaannya daripada sangat masygul hatinya. Berjalan ia pada suatu hutan padang membawa dirinya. Maka melihat ia daripada jauhnya akan perkumpulan kambing yang banyak. Maka menuju ia. Tiba-tiba melihat suatu khemah yang terdiri di dalamnya beberapa kambing yang tidur. Dan terpancang pula ia seekor anjing yang tersula di pintu khemah itu. Dan tatkala hampir ia daripada khemah itu, tiba-tiba keluar kepadanya seorang muda. Maka memberi salam ia atasnya dan menjawab orang muda itu akan salamnya serta minta turun daripada kenderaannya. Maka turun raja dan dimuliakan oleh muda itu. Dan mendahului pada antara hadapannya akan barang yang ia hadir padanya sebagaimana wajibnya. Maka berkata baginya oleh raja, “Khabarkan oleh kamu daripada keadaan anjing ini, barulah dapat bahawa memakan aku akan makanan yang telah engkau sediakan ini.”

Penceraian

Maka berkata orang muda itu, “Ketahuilah oleh kamu dan yakin kamu bahawa anjing ini kepercayaanku. Menjaga ia atas segala kambingku. Maka membesar dan bersahabat ia akan /49/ serigala. Dan duduk berdiri serta berjalan bersama serigala itu. Dan barang tidur anjing itu di sisi serigala itu, pada hal setiap-tiap hari serigala itu datang mencuri kambing itu seekor kemudian daripada seekor. Kemudian daripada itu, pada suatu hari datang oleh orang yang punya tempat dan menuntut ia daripada aku akan hak yang dipelihara itu. Maka duduklah aku berfikir dan membilang akan kira-kira hitungan kambing itu sentiasa kurang sahaja. Maka di dalam hal aku berfikir itu, tiba-tiba terpancang aku seekor serigala telah mengambil ia akan seekor kambing, pada hal anjing itu diam pada pihaknya. Maka tatkala itu sesungguhnya mengetahui aku inilah sebab binasa kambingku, sebab khianat kepercayaanku. Kerana itu lazimlah atasku membunuh dan menyula akan dia.”

Penceraian

Syahadan kemudian daripada telah mendengar raja akan perkataan orang muda itu, maka mengambil iktibar ia, serta menjadikan umpama itu pada dirinya, dan rakyat itu kambing dan wazir itu ialah anjing. Maka seketika itu jua raja kembali kepada negerinya dengan membunuh dan menyula wazirnya yang khianat itu. Dan menjadikan ia bandingan dengan katanya, “Barang siapa tertipu ia dengan sebab nama yang mempunyai rosak, nescaya tinggallah ia dengan ketiadaan bekal yang sentiasa syak. Dan barang siapa khianat ia pada bekal, nescaya kembali ia dengan ketiadaan nyawa leher terpenggal. Dan barang siapa percaya akan yang mempunyai khianat, nescaya habislah harta punah ranah demikianlah halnya.”

RUJUKAN

- Abu Hassan Sham. 1980. Tariqat Naqsyabandiyah dan peranannya dalam kerajaan Melayu Riau sehingga awal abad kedua puluh. Dalam *Tamadun Islam di Malaysia* (susunan Khoo Kay Kim). Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia: 74-86.
- _____. 1983. Karya-karya yang berunsur agama dari pengarang Melayu Riau sehingga awal abad ke-20. *Dewan Sastera*. (Disember): 20-30.

- A. Hasjmy. 1987. Naskhah-naskhah tua menyimpan alam fikiran Melayu lama: sebuah studi tentang *Safinatul Hukkam*. Dalam Siti Hawa Haji Salleh (peny.). *Cendekia kesusasteraan Melayu tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka: 254-279.
- Alvi, Sajida Sultana. 1989. *Advice on the art of governance: an Indo-Islamic Mirror For Princes* (translated from the Persian of Muhammad Baqir Najm-i Sani's *Mau'izah-i Jahangiri*). New York: State University of New York Press.
- Andaya, Barbara Watson. 1977. "From Rum to Tokyo: the search for anticolonial allies by the rulers of Riau (1899-1914). *Indonesia* 24: 123-156.
- Asma Ahmat. 1994. *Adab Raja-raja: satu naskhah Melayu genre adab*. *Jurnal Filologi Melayu* 3: 119-134.
- Bagley, F.R.C. (penterjemah). 1964. *Al-Ghazali's Book of Counsel for Kings (Nasihat al-Muluk)*. London: Oxford University Press.
- Barnard, Timothy P. 1994. Taman penghiburan: entertainment and the Riau elite in the late 19th Century. *MBRAS* 67(2): 17-45.
- Braginsky, V.I. 1993. *The system of classical Malay literature*. Leiden: Koninklijk Voor Taal, Land- en Volkenkunde.
- Brakel. 1970. Persian influence on Malay literature. *Abr-Nahrain* 9: 1-15.
- Dankoff, Robert. 1983. *Wisdom of royal glory: a Turko-Islamic mirror for princes* (translated from Yusuf Khass Hajib's *Kutadgu Bilig*). Chicago: University of Chicago Press.
- Ding Choo Ming. 1999. Masalah pengumpulan, pendokumentasian dan pengajian manuskrip Melayu. *Jurnal Filologi Melayu* 7: 21-41.
- Harun Mat Piah et al. 2000. *Kesusasteraan Melayu tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasan Junus. 1996. *Raja Ali Haji dan karya-karyanya*. Pusat Pengajian Bahasa dan Kebudayaan Melayu Universitas Riau.
- Jamaliah Ab. Aziz. 1990/1991. *Kitab Adab al-Muluk: satu kajian teks dan perbandingan dengan Taj Us Salatin*. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jelani Harun. 1999a. *Nuruddin al-Raniri's Bustan al-Salatin: a universal history and adab work from seventeenth century Aceh*. Tesis PhD. University of London.
- _____. 1999b. *Bustan al-Salatin: karya sejarah dunia (Universal History) dalam pensejarahan Melayu tradisional*. *Jurnal Ilmu Kemusiaan* 6: 1-33.
- Katalog Manuskrip Melayu di Jerman Barat*. 1992. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Khalid M. Hussain (penyusun). 1992. *Taj Us-Salatin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lambton. 1962. Justice in the medieval Persian theory of kingship. *Studia Islamica* 17: 91-119.
- Marrison, G.E. 1955. Persian influences in Malay life (1280-1650). *JMBRAS* 28: 52-69.
- Matheson, Virginia. 1986. Strategies of survival: the Malay royal line of Lingga-Riau. *Journal of Southeast Asian Studies* 17(1): 5-38.
- Raja Haji Ali (Raja Haji Ali Kelana). 1910. *Kitab kumpulan ringkas berbetulan lekas (Jawi)*. Singapura: Matbaat al-Imam.
- Ricklefs, M.C. dan Voorhoeve, P. 1977. *Indonesian manuscripts in Great Britain*. London: Oxford University Press.

Waldman, M.R. 1980. *Toward a theory of historical narrative: a case study in Perso-Islamicate historiography*. Columbus: Ohio State University Press.

Dr. Jelani Harun
Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang
e-mail: jelani@usm.my